

J. P.U. 7.**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****UNDANG-UNDANG KECIL BAYARAN DENDA (LESEN)
(MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) 2010**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 104 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Bandaraya Johor Bahru membuat dan menurut seksyen 103, Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Bayaran Denda (Lesen) (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2010** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Datuk Bandar” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan sah disisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Datuk Bandar;

“lesen” termasuklah semua jenis lesen tahunan atau sementara yang telah diluluskan oleh Datuk Bandar yang wajib diperbaharui setiap 1 haribulan Januari tiap-tiap tahun atau setelah tamat tempoh sah lakunya suatu lesen kecuali digantung atau dibatalkan oleh Datuk Bandar;

“pemegang lesen” ertinya orang atau syarikat yang kepadanya dikeluarkan sesuatu lesen di bawah mana-mana Undang-undang Kecil yang dibuat di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru;

“tamat tempoh lesen” ertinya lesen yang sah tempoh lakunya sehingga 31 Disember tiap-tiap tahun atau sehingga tamat tempoh sah lakunya sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen.

Dasar-dasar, pekeliling dan lain-lain

3. Dasar-dasar, Pekeliling Kerajaan atau arahan-arahan bertulis daripada Datuk Bandar atau pelbagai Kementerian atau Jabatan atau Agensi Kerajaan lain yang mana difikirkan patut dan sesuai dan dipersetujui oleh Datuk Bandar hendaklah diterima pakai bersama-sama Undang-undang Kecil ini dari semasa ke semasa.

Kesalahan

4. (1) Tiada seorang boleh menggunakan mana-mana premis untuk tujuan menjalankan mana-mana tred, perniagaan atau industri tanpa memperbaharui lesen yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar terlebih dahulu.

(2) Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menjalankan mana-mana tred, perniagaan atau industri tanpa memperbaharui lesen yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar selepas tempoh pengecualian denda.

Memperbaharui lesen

5. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah memperbaharui lesen selepas tamat tempoh lesen tersebut.

Tempoh pengecualian denda

6. Datuk Bandar boleh atas budi bicaranya memberi pengecualian denda ke atas lesen-lesen yang diperbaharui mulai 1 Januari hingga 31 Mac setiap tahun dan tiada apa-apa pengecualian denda boleh diberikan setelah tamat tempoh tersebut.

Bayaran denda

7. Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh mengenakan denda sebagaimana kadar yang dinyatakan dalam Jadual sekiranya seseorang bertindak berlawanan dengan undang-undang kecil 3 di dalam undang-undang kecil ini.

JADUAL

- (a) Denda Maksima — 10 kali ganda daripada kadar bayaran lesen tahunan
- (b) Denda Minima — 2 kali ganda daripada kadar bayaran lesen tahunan

Bertarikh 30 Julai 2010

[K.T. 24/69 Jld. 9(21); PUNJ.BIL. (PU2)7 Jld. 3(54);
MBJB/U/2010/28/UUK/1]

MOHD JAFFAR AWANG

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Johor Bahru

Disahkan pada 30 Ogos 2010

HAI MOHD HALIM BIN HASBULLAH

*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PAYMENT OF FINES (LICENCE)

(JOHOR BAHRU CITY COUNCIL) BY-LAWS 2010

IN exercise of the powers conferred by section 104 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Johor Bahru City Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms the following By-Laws:

Citation, application and commencement

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Payment of Fines (Licence) (Johor Bahru City Council) By-Laws 2010** and shall apply only to the area of Johor Bahru City Council.

(2) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“Mayor” means the person for the time being lawfully performing the duties of the office of Mayor of the Johor Bahru City Council and includes the Deputy Mayor;

“licence” includes all type of annually or temporary licence issued by the Mayor, which shall be renewed every year on 1st day of January, or at the expiry of validity of the licence unless suspended or repealed by the Mayor.

“licensee” means the person or company to whom the licence is issued by the Johor Bahru City Council under any By-Laws which made under Local Government Act 1976;

“expired licence” means the period for which the licence shall be valid until 31st day of December every year or any other period describes in the licence.

Policies, circular and others

3. Policies, Government Circular or written instruction from the Mayor or other Ministry or Department or Government Agency which may thinks fit and relevant and agreed by the Mayor, shall be applied with these By-Laws from time to time.

Offence

4. (1) No person shall use any premises for carrying on any trade, business or industry without prior renewing a licence issued by the Mayor.

(2) None of the licensee shall carrying any trade, business or industry without renewing a licence issued by the Mayor after the period of fine exclusion.

Renewal of the licence

5. Every licensee shall renew the licence after the expiry of the said licence.

Period of fine exclusion

6. The Mayor may on his discretion, allows any fine exclusion on the renewed licences starting from 1st day of January to 31st day of March every year and no fine exclusion may be given after the said expiry period.

Payment of fine

7. If any person who acts in contravention of by-law 3 of these By-Laws, the Mayor or any officer authorized by him may impose a fine as to the rate describes in the Schedule.

SCHEDULE

- (a) Maximum Fine — 10 times of the annual licence fee
(b) Minimum Fine — 2 times of the annual licence fee

Dated 30 July 2010

[K.T. 24/69 Jld. 9(21); PUNJ.BIL. (PU2)7 Jld. 3(54);
MBJB/U/2010/28/UUK/1]

MOHD JAFFAR AWANG
Mayor
Johor Bahru City Council

Confirmed on the 30 August 2010

HAI MOHD HALIM BIN HASBULLAH
Clerk of the State Executive Council
Johor

J. P.U. 8.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR AWAM DAN PERSENDIRIAN
(MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Bandaraya Johor Bahru membuat dan menurut seksyen 103, Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Pasar Awam dan Persendirian (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2010** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Datuk Bandar” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Datuk Bandar;

“gerai” termasuklah sesuatu petak gerai berkunci, meja, bangku panjang, bakul, kerusi, petak peraga dinding, kenderaan atau apa-apa perkakas lain sama ada mudah alih atau tidak mudah alih dan sama ada beroda atau tidak beroda yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dijual atau didedahkan untuk dijual dimana-mana pasar awam atau pasar persendirian;

“jualan borong” ertinya mana-mana jualan melebihi kadar 10 kilogram bagi sekali jualan;